



KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) KE-11, 2015 PERATURAN AM

1. NAMA

- 1.1. Kejohanan ini dinamakan ” **KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) KE-11, 2015** ”

2. PENGELOLAAN

- 2.1. Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) ini dianjurkan oleh Majlis Sukan Negeri Selangor dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor, Persatuan Sukan Negeri Selangor yang bergabung dengan Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS).
- 2.2. Bagi maksud pengelolaan, Pihak Majlis telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Perlaksana yang membuat perancangan dan mengelolakan semua program dan aktiviti SUKSES dan seterusnya jawatankuasa-jawatankuasa kecil dengan tugas-tugas khas yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Perlaksana. Bahagian Pembangunan Sukan adalah urusetia SUKSES di peringkat pusat dan bertanggungjawab memastikan segala dasar dan keputusan Pelaksana dengan kerjasama jawatankuasa-jawatankuasa kecil.

3. JENIS SUKAN

- 3.1. Jenis sukan yang boleh dipertandingkan dalam SUKSES serta syarat kelayakan umur adalah mengikut Sukan yang akan dipertandingan di Sukan Malaysia (SUKMA).

3.2. Senarai jenis sukan yang dipertandingkan adalah seperti berikut :-

BIL	JENIS SUKAN	KATEGORI		UMUR	TARIKH KELAHIRAN
		L	W		
1	Badminton	√	√	B-20 thn	Tahun 1995 dan selepasnya
2	Bola Sepak	√	√	B-20 thn	Tahun 1995 dan selepasnya
3	Bola Tampar	√	√	B-20 thn	Tahun 1995 dan selepasnya
4	Boling Padang	√	√	B-20 thn	Tahun 1995 dan selepasnya
5	Karate-do	√	√	B-20 thn	Tahun 1995 dan selepasnya
6	Lumba Basikal	√	√	B-20 thn	Tahun 1995 dan selepasnya
7	Memamah	√	√	B-20 thn	Tahun 1995 dan selepasnya
8	Olahraga	√	√	B-20 thn	Tahun 1995 dan selepasnya
9	Pencak Silat	√	√	B-20 thn	Tahun 1995 dan selepasnya
10	Petanque	√	√	B-20 thn	Tahun 1995 dan selepasnya
11	Sepak Takraw	√	√	B-20 thn	Tahun 1995 dan selepasnya
12	Taekwondo	√	√	B-20 thn	Tahun 1995 dan selepasnya
13	Tenpin Bowling	√	√	B-20 thn	Tahun 1995 dan selepasnya

3.3. Walau bagaimanapun penetapan jenis sukan ini juga adalah tertakluk kepada penyertaan-penyertaan daerah.

4. PENYERTAAN

- 4.1. Hanya warganegara Malaysia yang bermastautin atau bekerja atau belajar di Negeri Selangor sahaja yang layak menyertai SUKSES ini.
- 4.2. Atlet-atlet yang mewakili daerah masing-masing dalam SUKSES 2015 adalah diwajibkan mewakili Negeri Selangor di dalam program yang disediakan oleh pihak Persatuan Sukan Negeri Selangor terutamanya SUKMA sekiranya terpilih untuk mewakili Negeri Selangor ke Kejohanan Sukan Malaysia tersebut.
- 4.3. SUKSES ini terbuka kepada pasukan sukan daerah atau pasukan daripada persatuan-persatuan sukan yang bergabung dengan Majlis Sukan Negeri Selangor.
- 4.4. Setiap **Sukan** yang akan dipertandingkan antara daerah di Kejohanan SUKSES perlu disertai sekurang-kurangnya **5** daerah. Sekiranya kurang daripada 5 daerah, **sukan** tersebut tidak akan dipertandingkan antara daerah.

- 4.5. Manakala bagi **acara** atau **kategori** dalam sesuatu sukan yang dipertandingkan di Kejohanan SUKSES, minimum penyertaan adalah **3** daerah bagi satu **acara** atau **kategori** sukan tersebut. Pungutan pingat akan diambil kira.
- 4.6. Atlet-atlet kebangsaan **TIDAK LAYAK** untuk mewakili daerah masing-masing dalam kejohanan SUKSES. Walau bagaimanapun ianya tertakluk kepada peraturan sukan masing-masing.
- 4.7. Atlet-atlet dari negeri lain **TIDAK LAYAK** untuk menyertai kejohanan ini.
- 4.8. **Perpindahan Atlet**
 - 4.8.1. Bagi atlet-atlet yang masih bersekolah mesti mewakili daerah dimana ia bersekolah.
 - 4.8.2. Walau bagaimanapun, sekiranya atlet-atlet ini mengikuti program-program latihan di daerah lain, atlet berkenaan layak mewakili daerah dimana program-program latihan itu dijalankan. Atlet perlu mendapatkan pengesahan daripada pihak yang menganjurkan program latihan tersebut sebelum layak mewakili daerah berkenaan.
 - 4.8.3. Bagi atlet-atlet yang bersekolah di Sekolah Sukan Bukit Jalil, Bandar Penawar dan Sekolah Pusat Sukan Negeri Selangor Seksyen 11, layak untuk mewakili daerah kelahiran masing-masing atau daerah dimana beliau bersekolah sebelum ke sekolah sukan.
 - 4.8.4. Atlet-atlet yang bekerja atau bermastautin dimana-mana daerah sekurang-kurangnya 1 tahun layak mewakili daerah berkenaan. Walau bagaimanapun, sekiranya atlet tersebut mengikuti program latihan di daerah lain, atlet tersebut layak mewakili daerah dimana program latihan diikuti. Atlet perlu mendapatkan pengesahan daripada pihak yang menganjurkan program latihan tersebut sebelum layak mewakili daerah berkenaan.
 - 4.8.5. Bagi pelajar-pelajar di IPTA / IPTS atlet-atlet tersebut layak untuk mewakili daerah masing-masing. Walau bagaimanapun, sekiranya atlet-atlet tersebut mengikuti program-program latihan dimana-mana daerah yang lain atlet tersebut layak untuk mewakili daerah dimana program latihan diadakan. Atlet perlu mendapatkan pengesahan daripada pihak yang menganjurkan program latihan tersebut sebelum layak mewakili daerah berkenaan.

- 4.8.6. Sekiranya ada mana-mana daerah ingin menggunakan khidmat atlet dari daerah lain, Pengerusi Majlis Sukan Daerah tersebut perlu memohon pelepasan daripada Pengerusi Majlis Sukan Daerah asal atlet terbabit. Sekiranya permohonan diluluskan atlet tersebut bolehlah mewakili daerah berkenaan. Syarat-syarat dan peraturan yang lain berhubung dengan kelayakan peserta tidak digunapakai dalam konteks ini.
- 4.9. Peraturan-peraturan ini jelas menetapkan syarat-syarat kelayakan atlet sebelum dibenarkan mewakili mana-mana kontinjen di Kejohanan SUKSES ini. Peraturan ini perlulah dipatuhi bagi menjamin dan menjaga kepentingan daerah-daerah yang bertanding.
- 4.10. Keputusan muktamad mengenai bilangan pasukan, jenis sukan dan disiplin yang akan dipertandingkan akan disediakan selewat-lewatnya **15 hari sebelum hari pertandingan**.
- 4.11. Borang-borang penyertaan yang lengkap dengan nama peserta dan lain-lain maklumat yang dikehendaki hendaklah dikemukakan oleh daerah kepada pihak Jawankuasa Perlaksana tidak lewat daripada **15 hari sebelum hari pertandingan**. Pertukaran peserta boleh dibuat semasa Mesyuarat Pengurus-Pengurus pasukan sebelum sukan bermula dimana RM 20.00 akan dikenakan bagi setiap satu pertukaran.

5. PENDAFTARAN / BILANGAN PEGAWAI DAN PESERTA

- 5.1. Tiap-tiap kontinjen bagi tiap-tiap jenis sukan hendaklah mendaftarkan nama-nama pegawai dan peserta masing-masing kepada Jawatankuasa Pelaksana melalui Majlis Sukan Daerah.

- 5.2. Bilangan Pegawai dan peserta mengikut jenis sukan adalah seperti berikut :-

BIL	JENIS SUKAN	Pengurus	Jurulatih	Atlet		Jumlah
				Lelaki	Wanita	
1	Olahraga	1	4	35	35	75
2	Memanah	1	2	8	8	19
3	Boling Padang	1	2	6	6	15
4	Sepak Takraw	2	2	15	-	19
5	Petanque	1	2	7	7	17
6	Bola Sepak	1	3	20		24
7	Badminton	1	2	8	8	19
8	Berbasikal	1	4	12	12	29
9	Taekwondo	1	3	13	13	30
10	Pencak Silat	1	3	17	12	33
11	Karate-do	1	2	10	10	23
12	Bola Tampar	2	4	12	12	30
13	Tenpin Bowling	1	2	6	6	15
Jumlah		15	35	171	129	338

6. KAWALAN PERUBATAN

- 6.1. Semua peserta dalam sesuatu jenis sukan sekiranya diwajibkan oleh persatuan sukan negeri/kebangsaan adalah dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan. Para peserta hendaklah mengemukakan sijil atau surat pengakuan doktor kepada Jawatankuasa Pertandingan. Pemeriksaan hendaklah dibuat di tempat masing-masing sebelum datang ke pertandingan.

7. KAWALAN KEWANITAAN

- 7.1. Semua peserta wanita jika diwajibkan oleh Persatuan Sukan Negeri maka hendaklah disahkan kewanitaan mereka oleh doktor perubatan masing-masing di borang penyertaan mereka.

8. PERATURAN / TEKNIK / CORAK PERTANDINGAN

- 8.1. Majlis Sukan Negeri Selangor melalui perundingan dengan persatuan sukan negeri berkenaan akan menetapkan corak pertandingan bagi tiap-tiap jenis sukan yang akan dipertandingkan dalam **SUKSES** ini.
- 8.2. Semua jenis sukan/acara akan dikelolakan selaras dengan Persatuan Badan Kawalan Sukan Antarabangsa yang berkenaan. Jika terdapat percanggahan dari segi pertafsiran, maka pengertian sahlah akan dirujuk kepada peraturan dalam Bahasa Inggeris.
- 8.3. Di mana penyertaannya mengandungi 6 pasukan dan tidak lebih 9 pasukan, maka pertandingan di peringkat awal dijalankan secara liga satu pusingan dalam 2 kumpulan akan bertanding di peringkat akhir secara kalah mati. Pemenang ketiga akan ditentukan dari pertandingan pasukan kedua terbaik dalam 2 kumpulan tersebut. (tertakluk kepada pindaan teknikal oleh pihak Persatuan Sukan Negeri)
- 8.4. Bagaimanapun corak pertandingan masih boleh diubahsuaikan untuk setiap jenis sukan berdasarkan kepada keadaan-keadaan tertentu dan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengelola dan Majlis Sukan Negeri Selangor.

9. TEMPOH PENGELOLAAN / JADUAL PERLAWANAN

- 9.1. Kejohanan SUKSES 2015 akan diadakan dalam tempoh 2 bulan iaitu Bulan September dan Oktober 2015 dan dijalankan mengikut masa dan venue yang telah ditetapkan.
- 9.2. Semua jadual perlawanan bagi semua jenis sukan termasuk jenis tarikh, masa dan tempat akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.

10. PENANGGUHAN

- 10.1. Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan/dijadualkan sama sekali tidak boleh diminta tangguh atau diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.
- 10.2. Jawatankuasa Pengelola adalah mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta merta.
- 10.3. Mana-mana perlawanan yang ditangguhkan menurut para 10.2 di atas, maka Jawatankuasa Teknik bagi sukan berkenaan hendaklah menetapkan semula perlawanan yang ditangguhkan.

11. KEMUDAHAN

- 11.1. Semua Kontinjen dan Pasukan daerah akan bertanggungjawab untuk menyediakan semua kemudahan yang berkaitan dengan pelaksanaan Kejohanan SUKSES seperti penginapan, makan minum, dan pengangkutan pasukan masing-masing.
- 11.2. Pakaian seragam, peralatan peserta, seperti jersey, kasut, raket, basikal dan sebagainya adalah menjadi tanggungjawab kontinjen masing-masing.

12. GANTIRUGI

- 12.1. Majlis Sukan Negeri Selangor, Jawatankuasa Pengelola, jawatankuasa-jawatankuasa kecil dan pegawai-pegawai yang dilantik tidak bertanggungjawab atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana peserta dan pegawai semasa Kejohanan Mini SUKSES ini berlangsung termasuk perjalanan rumah / tempat pertandingan / rumah.

13. JAWATANKUASA KECIL TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN / SUKAN

- 13.1. Persatuan sukan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Kecil Teknikal Pertandingan sukan masing-masing dan melantik seorang Pengarah Pertandingan bagi sukan berkenaan.
- 13.2. Jawatankuasa ini bertanggungjawab kepada hal-hal teknikal pertandingan sukan berkenaan dalam keputusan-keputusan berkaitan pertandingan.
- 13.3. Jawatankuasa Teknikal Pertandingan hendaklah melantik Juri Bantahan bagi tiap-tiap jenis sukan yang dipertandingkan.

14. JURI RAYUAN

- 14.1. Jawatankuasa Pengelola hendaklah melantik Juri Rayuan yang akan membuat keputusan muktamad berkenaan dengan masalah-masalah berhubung dengan Kejohanan SUKSES.
- 14.2. Jawatankuasa ini terdiri daripada :-
 - i. Pengerusi - Pengerusi JK Pengelola
 - ii. Ahli - Pengarah MSNS
 - Setiausaha Jawatankuasa Pengelola
 - 2 orang Ketua Kontinjen
 - 2 orang yang difikirkan sesuai

15. RAYUAN BANTAHAN

- 15.1. Sebarang rayuan bolehlah dibuat oleh Ketua Kontinjen/ Pengurus Pasukan dengan bertulis dengan kepada Juri Bantahan dalam tempoh tidak lebih dari dua (2) jam selepas tamat sesuatu perlawanan dengan disertakan wang bantahan seperti di dalam peraturan pertandingan bagi setiap jenis sukan.
- 15.2. Sekiranya rayuan atau bantahan itu munasabah dan diterima oleh Juri Rayuan, maka wang bantahan itu akan dikembalikan. Satu keputusan akan dibuat berhubung dengan rayuan dan bantahan itu.
- 15.3. Sekiranya masih berlaku bantahan, rayuan boleh dikemukakan kepada juri rayuan dan segala keputusan adalah **muktamad**.
- 15.4. Sejumlah **RM 500.00** akan dikenakan semasa bantahan ini dibuat..
- 15.5. Wang bantahan tidak akan dikembalikan samada rayuan berjaya atau tidak. Wang tersebut akan digunakan sebagai kos pentadbiran untuk proses rayuan.

16. HADIAH-HADIAH

- 16.1. Hadiah-hadiah untuk Kejohanan SUKSES akan disediakan oleh Jawatankuasa Perlaksana seperti berikut : -
 - 16.1.1. Pingat-pingat emas, perak dan gangsa untuk pemenang-pemenang pertama, kedua dan ketiga.

Bil	Sukan	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah
1)	Badminton	7 (24)	7 (24)	7 (24)	21 (72)
2)	Bola Sepak	1 (24)	1 (24)	1 (24)	3 (72)
3)	Boling Padang	8 (20)	8 (20)	16 (40)	32 (80)
4)	Lumba Basikal	13(16)	13(16)	13(16)	39 (48)
5)	Olahraga	37 (49)	37 (49)	37 (49)	111(147)
6)	Memamah	24 (36)	24 (36)	24 (36)	72 (108)
7)	Petanque	11 (32)	11 (32)	11 (32)	33 (96)
8)	Sepak Takraw	3 (24)	3 (24)	6 (48)	12 (96)
9)	Karate-Do	16 (20)	16 (20)	32 (40)	64 (80)
10)	Pencak Silat	23 (29)	23 (29)	46 (58)	92 (116)
11)	Taekwondo	21 (26)	21 (26)	42 (52)	84 (104)
12)	Tenpin Bowling	13 (30)	13 (30)	13 (30)	39 (90)
13)	Bola Tampar	2 (30)	2 (30)	2 (30)	6(90)
	JUMLAH	179 (360)	179 (360)	250 (479)	608 (1199)

17. KEWANGAN

- 17.1. Kewangan Kejohanan SUKSES kecuali perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis Sukan Negeri akan ditadbirkan oleh Jawatankuasa Perlaksana. Penyata akaun hendaklah disiapkan tidak lewat daripada tiga (3) bulan selepas tarikh akhir sukan tersebut untuk diperiksa dan diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Sukan Selangor.

18. TAMBANG

- 18.1. Setiap Majlis Sukan Daerah / pasukan yang terlibat bertanggungjawab menanggung kos semua tambang pegawai / atlet masing-masing.

19. PERKARA AM

- 19.1. Sebarang perkara yang berbangkit yang tidak tercatat dalam Peraturan Am, Jawatankuasa Perlaksana berkuasa mengambil sesuatu keputusan.
- 19.2. Segala keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Perlaksana adalah muktamad.
- 19.3. Jawatankuasa Perlaksana juga mempunyai kuasa mutlak memeriksa kelayakan peserta-peserta yang didaftarkan pada bila-bila masa. Sekiranya terdapat peserta yang tidak layak menyertai sukan ini, seperti yang tercatat di dalam Peraturan Am ini dan Peraturan Pertandingan tindakan berikut akan diambil :
 - 19.3.1. Pembatalan dari sukan itu. Jika peserta itu mewakili pasukan, pasukan itu akan dibatalkan dan jika peserta itu mengambil bahagian di dalam acara individu, beliau akan dibatalkan. Jika pasukan/individu yang dibatalkan memenangi pingat, kemenangan tersebut akan dibatalkan.
 - 19.3.2. Pembatalan tersebut akan menyebabkan segala perbelanjaan pasukan / individu di tarik balik dengan serta-merta jika perbelanjaan telah dikenakan kepada pasukan/individu itu, Majlis Sukan Daerah berkenaan dikehendaki membuat pembayaran balik kepada jumlah tersebut.
- 19.4. Pemenang pingat dalam Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) ini tidak semestinya dipilih secara automatik untuk mewakili Negeri Selangor ke Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA).